



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 16 DISEMBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



ORANG ramai menyerbu gerai jualan pada Program Jualan Rahmah sempena sambutan Hari Natal dan Tahun Baru 2025 di Kipmall Masai, Johor Bahru semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

## PJR rekod jualan lebih RM50 juta

**JOHOR BAHRU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri ini menganjurkan 969 Program Jualan Rahmah (PJR) dengan merekodkan hasilan jualan lebih RM50 juta.

Pengaruhnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, sebanyak RM10 juta subsidi diberikan bagi mengurangkan kos perbelanjaan rakyat sempena perangjian jualan tersebut di 10 daerah di negeri ini.

"Pada bulan ini, kita akan adakan PJR sempena sambutan Hari Natal dan Tahun Baharu 2025. Pelaksanaan program ini bermula pada 13 hingga 31 Disember merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk memperluaskan Agenda Payung

Rahmah Madani.

"PJR kali ini melibatkan jualan produk barang keperluan asas pada kadar potongan harga sehingga 30 peratus. Pelaksanaan PJR ini bertujuan membantu meringankan kos sara hidup rakyat bagi membeli barang keperluan asas pada harga yang lebih murah," katanya dalam Program Walkabout PJR di Kipmall Masai, Pasir Gudang, dekat sini semalam.

PJR sempena Hari Natal dan tahun baru turut akan diadakan di Dewan Serbaguna Pekan Jabi, Segamat pada 19 Disember ini, diikuti di pekarangan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Kota Tinggi dan Pasaraya Target, Parit Raja, Batu Pahat (21 Disember) dan Pasaraya Target Sri

Kluang, Kluang (24 Disember).

PJR turut diadakan di Dewan Muafakat Taman Saujana, Pontian pada 25 Disember, diikuti Pasaraya Tunas Manja, Mersing (28 Disember) dan Kompleks Penghulu Sungai Abong, Muar (31 Disember).

Lilis Saslinda berkata, sempena PJR, pihaknya turut membawakan vendor yang menawarkan set Menu Rahmah pada harga RM5 selain mengetengahkan usahawan tempatan yang menawarkan produk makanan dan minuman.

Menurutnya, PJR juga diadakan secara dalam premis dan bergerak serta orang ramai boleh mengetahui lokasinya dengan melayari laman media sosial KPDN Johor.

bawan Program Kampung Angkat kerana program berkenaan – Bernama

## Isu ketirisan barang kawalan ditangani

**KUCHING:** Satu mesyuarat penyelarasan penguatkuasaan telah diadakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 September lalu yang memperlukan syor supaya ditingkatkan keberkesanannya penguatkuasaan bagi menangani isu ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato Sri Fadillah Yusof, di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, kelmarin.

Hadir sama ialah Menteri Per-

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali, Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Pentadbiran) Datu Buckland Bangik dan Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali.

Beberapa pendekatan utama yang diputuskan adalah berhubung penyelaras tugas penguatkuasaan barang kawalan di pintu sempadan Sabah dan Sarawak, penambahbaikan dalam kerangka perundungan dan mekanisme pengagihan barang kawalan, termasuk dari segi kawalan lesen-lesen yang diberikan serta menggunakan digital.

Turut dibincangkan adalah mengenai pemantauan berkala di kesemua 466 stesen minyak di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang akan dilaksana secara berperingkat mulai 15 Disember ini.

Selain itu, tindakan gantung dan batal lesen bagi Barang Kawalan Berjadual (CSA) pulak telah diputuskan berkuatkuasa secara tegas terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penyelew-

gan barang kawalan, khususnya yang bersubsidi.

Melalui pendekatan dan strategi yang telah diputuskan, Datuk Armizan menyasarkan bahawa agenda penguatkuasaan ini dapat dilaksana dengan lebih tangkas, cekap dan berkesan.

"Fokus kita bukan hanya melihat ketirisan di kawasan sempadan tetapi juga di perairan dan juga kawasan-kawasan daratan seperti pekan dan bandar yang juga berlakunya ketirisan penjualan barang kawalan kepada sektor industri," katanya kepada media selepas mesyuarat tersebut.

Terdahulu, Dato Sri Fadillah turut menyaksikan Majlis Menandatangani Aku Janji KITA GEMPUR oleh Syarikat Minyak yang juga merupakan antara rakan strategik KPDN.

Aku Janji ini melibatkan 11 syarikat minyak di Malaysia iaitu Petronas, Shell, Petron, Caltex, BHPetrol, Xcel, FIVE, PETROS, Buraq Oil, SMART dan Petro Teguh yang turut membantu usaha kerajaan memerangi ketirisan dan manipulasi barang kawalan terutamanya diesel dan petrol. –UKAS

## Zon khas jual barang tanpa subsidi diperkenal semula

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperkenalkan semula zon khas untuk penjualan barangan kawalan tanpa subsidi di kawasan sempadan bagi menangani isu ketirisan barang berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan penyeludupan barang bersubsidi ke negara jiran.

"Zon khas ini membolehkan rakyat di kawasan sempadan, seperti Indonesia dan Thailand, membeli barangan kawalan tanpa subsidi. Contohnya, minyak masak botol dan gula premium akan dijual di kedai-kedai khas.

"Hal ini akan mengelakkan keperluan penyeludupan kerana mereka mempunyai akses sah untuk membeli barangan ini," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Penyelaras Penyuatuasaan Menangani Isu



**TIMBALAN** Perdana Menteri, Dato Sri Fadillah Yusof serta Datuk Armizan Mohd Ali menyaksikan majlis menandatangani Aku Janji KITA GEMPUR selepas sesasi menghadiri Mesyuarat Penyelaras Penyuatuasaan Menangani Isu Ketirisan Barang Kawalan di Sabah, Sarawak di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, kelmarin. • Foto BERNAMA

Ketirisan Barang Kawalan di sini, kelmarin.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Fadillah Yusof dan turut dihadiri wakil-wakil agensi penguatkuasaan peringkat Persekutuan dan negeri.

Armizan berkata, projek zon khas itu pernah dirintis di Pulau Sebatik, Sabah sebelum ini, tetapi menghadapi cabaran apabila rakyat tempatan menyeludup

bekalan dari luar kawasan untuk dijual secara tidak sah dalam kawasan berdekatan sempadan.

"Kali ini, kita akan perkataan penguatkuasaan, termasuk menggunakan data isi rumah dan kad pembelian yang membolehkan kita memantau jumlah barang yang dibeli oleh setiap isi rumah," katanya.

Beliau berkata, pengenalan semula zon khas itu antara beberapa keputusan yang dibuat

dalam mesyuarat penyelaras berkenaan.

Keputusan lain termasuk pemeriksaan penyelaras tugas menerusi Sekretariat OPS Tiris sehingga pelaksanaan penuh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) Februari tahun depan, memperkemas mekanisme penguatkuasaan melalui penurunan kuasa KPDN kepada agensi di pintu masuk, serta pemantauan

berkala di stesen minyak dan tindakan lebih tegas terhadap penyelewengan.

Selepas mesyuarat itu, Fadillah dan Armizan turut menyaksikan majlis menandatangani Aku Janji KITA GEMPUR melibatkan ikrar 11 syarikat minyak yang beroperasi di negara ini untuk membantu kerajaan memerangi ketirisan dan manipulasi barang kawalan khususnya diesel dan petrol. — Bernama



国内贸易及生活成本部长拿督阿米占移交国油基金会的援助品予吧巴京那律区的居民。

## 國油贈200戶家庭援助品 吧聖誕昌明銷售惠民

吧巴15日讯 | 国内贸易及生活成本部配合即将来临的圣诞节，今日在吧巴京那律圣奥古斯丁教堂举行了一项圣诞节Rahmah Madani销售计划（PJRM），同时国油（Petronas）基金会也在活动上为有需要的家庭提供圣诞节援助品及捐赠。

据国内贸易及生活成本部长拿督阿米占表示，举办Rahmah Madani销售计划的目的，是希望能帮助周边社区，特别是那些即将庆祝圣诞节的人们，能以比市场价格更便宜的价格，获得各种生活必需品。

而国油则透过国油基金会，为吧巴区一共200个家庭，提供各种生活

必需品形式的捐赠，一定程度上也可以帮助受助者为之后的圣诞节做准备。

国油基金会的捐赠，也是全马各地一共1万1,850个受惠家庭的其中一部分。该基金会在各项节庆，包括：农历新年、开斋节、砂拉越达雅节、沙巴丰收节、屠妖节以及圣诞节期间，皆会通过相关的援助计划为有需要的家庭提供捐赠物品。

隶属国油公司的国油基金会，其三个主要发展重点是：教育、福祉、以及社区和环境发展。国油基金会一直透过各项计划，以帮助为社区提供福祉、进步和永续发展。

## 11 石油企業簽承諾書 助力打擊走私及操縱



■振辉（坐者右3）出席签署仪式。  
FIVE石油集团董事经理拿督斯里林

（吉晋15日讯）国内11家石油企业昨日集体签署承诺书，表明协助政府打击柴油和石油走私及操纵的问题。

国内贸易及生活费部长拿督阿米占指出，这些企业分别是FIVE、马石油、蚬壳、Petron、加德士（Caltex）、BHPetrol、Xcel、

砂石油公司、Buraq Oil、SMART及Petro Teguh。

他说，这些企业签署上述承诺书，反映他们努力协助政府打击石油和柴油作为管制品所出现的走私及操纵问题。

阿米占昨日和副首相拿督斯里法迪拉尤索夫一起出席见证上述企业签署承诺书的仪式。FIVE石油集团董事经理拿督斯里林振辉也出席有关仪式。

林振辉过后受访时指出，作为一家负责任的企业，FIVE石油深刻认识到打击柴油和石油走私及操纵对于保障国家经济稳定和社会福祉的重要性。

“我们支持政府打击非法活动的决心，并承诺采取一切必要措施，确保我们的业务环境透明、公平且符合法律规范。这不仅有助于保护国家的能源资源，也能维护市场秩序和消费者的利益。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# LUKMAN RAIH JUALAN MELEBIHI 10,000 UNIT TAHUN LALU

Oleh ZAKKINA  
WATI AHMAD TARMIZI  
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

TERTARIK melihat seorang eksekutif pemasaran dari sebuah syarikat percetakan datang menghantar barang seperti cenderamata berupa sebatang pen eksklusif ketika menjalani latihan praktikal pada semester akhir membuatkan Graduan Ijazah Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Lukman Nulhakim Sahak@Ishak, 40 bertindak untuk mencuba bidaan tersebut.

Lukman Nulhakim berkata, kebetulan syarikat tersebut ada membuka jawatan kosong dan eksekutif pemasaran yang datang itu bercerita mengenai komisen yang diperoleh dari setiap pen yang dijual.

"Pada waktu dia (eksekutif pemasaran) menceritakan sekiranya kita menjual 10,000 batang pen dan hanya mendapat komisen dua puluh sen bagi setiap satu, sudah cukup untuk memperoleh RM2,000! Itu baru cerita jual pen.

"Eksekutif Pemasaran tersebut juga memberitahu lebih lanjut mengenai skop tugas antaranya bekerja dengan waktu yang praktikal, bebas menentukan pergerakan kerja harian membuatkan hati makin tertarik untuk mencuba. Ianya termasuk dalam ciri-ciri kerja yang saya mahu antara kerja tidak ikut waktu, bebas dan suka untuk keluar (bukan waktu pejabat).

"Disebabkan tertarik dengan cerita ini, ditambah dengan sokongan dari Penyelia saya yang menggalakkan untuk pergi temuduga, saya mengambil langkah untuk mencuba," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Bermula sejak itu, selepas bergelumang dalam bidang percetakan selama 13 tahun, Lukman Nulhakim kini merupakan Pengurus LN Creative dan Pengurul Syarikat LNC Print Room (M) Sdn. Bhd. yang terletak di Putra Nilai, Negeri Sembilan.

"Dengan tekad untuk mendalam lebih jauh dalam bidang percetakan, cenderamata dan seumpamanya, saya mengambil langkah penting untuk mendafat syarikat melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 2 Ogos 2011.

"Kepatusan ini didorong oleh sokongan padu daripada adik-beradik, isteri, dan rakan-rakan. Memulakan perniagaan dengan modal yang terhad, hasil sim-



LUKMAN Nulhakim menunjukkan cenderamata seperti baju korporat yang ditempa oleh pelanggan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

**"DISEBAKAN TERTARIK DENGAN CERITAINI, DITAMBAH DENGANSOKONGANDARIPENYELIASAYA YANGMENG GALAKKAN UNTUK PERGITEMUDUGA, SAYAMENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENCUBA," KATANYA KETIKA DITEMUI UTUSAN MALAYSIA BARU-BARU INI."**

panan sendiri serta bantuan modal dari adik-beradik, ianya memberi saya kekuatan untuk melangkah ke dunia perniagaan yang penuh cabaran ini," katanya.

Sehingga kini, Lukman berkata, antara produk percetakan yang mencatatkan ju-



LUKMAN Nulhakim turut mempunyai kemahiran mereka bentuk mengikut citarasa pelanggan.

lan tertinggi tahun lalu adalah bunting atau gegantung, dengan jumlah penjualan melebihi 10,000 unit.

"Dengan pencapaian ini saya melihat ianya sebagai tanda kepercayaan pelanggan terhadap produk kami. Untuk tahun ini dan mendatang, kami berazam untuk mencapai lebih banyak lagi, dengan sasaran yang lebih tinggi dan terus memperkuuhkan kedudukan kami dalam

pasaran.

"Kami komited untuk memberikan yang terbaik dan terus berkembang demi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat," katanya.

Lebih membanggakan, Lukman berkata, kepercayaan yang diberikan oleh pelanggannya sangat berharga.

"Kami pernah beberapa kali terlibat dalam menjayakan program-program peringkat nege-

ri dan kebangsaan khususnya dalam menyediakan khidmat reka bentuk, percetakan dan cenderamata. Kepercayaan ini semakin kukuh dengan agensi kerajaan, swasta dan pelanggan sekitar yang sentiasa mempercayai kami untuk membekalkan kehendak mereka.

"Sejak beberapa tahun pasca Covid-19 ini, ada kontrak kerja tahunan kami telah disambung. Ini menunjukkan bahawa harga atau hasil kerja kami diterima oleh pelanggan.

"Selain itu, produk yang kami cetak juga telah dibawa ke luar negara untuk tujuan kegunaan pameran dan keperluan program pihak pelanggan," katanya.

Lukman Nulhakim turut menekankan usahawan lain agar jangan takut untuk mencuba dan menerima risiko.

"Setiap hari dalam perniagaan adalah peluang untuk belajar perkara baru menuntut untuk membuat keputusan dengan cepat dan terbaik, dan ini adalah sesuatu yang harus diterima dengan hati berbuka.

"Sebagai seorang usahawan, fokus pada matlamat yang ingin dicapai adalah kunci kejayaan. Setiap keputusan dan tindakan harus dilakukan dengan penuh kesedaran, agar kita jelas dengan arah tuju perniagaan kita," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 DISEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Dec	KPDN bongkar aktiviti seludup diesel subsidi bernilai RM1 juta di jeti	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/702023/berita/semasa/kpdn-bongkar-aktiviti-seludup-diesel-subsidi-bernilai-rm1-juta-di-jeti">https://www.sinarharian.com.my/article/702023/berita/semasa/kpdn-bongkar-aktiviti-seludup-diesel-subsidi-bernilai-rm1-juta-di-jeti</a>	SINAR HARIAN
16-Dec	KPDN tumpas sindiket seleweng minyak diesel di Pelabuhan Klang	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/13/kpdn-tumpas-sindiket-seleweng-minyak-diesel-di-pelabuhan-klang">https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/13/kpdn-tumpas-sindiket-seleweng-minyak-diesel-di-pelabuhan-klang</a>	UTUSAN BORNEO
16-Dec	KPDN seizes 50,000 litres subsidised diesel port klang raid	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/12/1147778/kpdn-seizes-50000-litres-subsidised-diesel-port-klang-raid">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/12/1147778/kpdn-seizes-50000-litres-subsidised-diesel-port-klang-raid</a>	NEW STRAITS TIMES
16-Dec	Kapal tunda seludup diesel RM900,000 di perkampungan air	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/12/kapal-tunda-seludup-diesel-rm900000-di-perkampungan-air/">https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/12/kapal-tunda-seludup-diesel-rm900000-di-perkampungan-air/</a>	UTUSAN MALAYSIA
16-Dec	Taktik penyeludup ambil diesel bersubsidi dari sumber di tengah laut, simpan dalam tangki di darat	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/12/1336448/taktik-penyaludup-ambil-diesel-bersubsidi-dari-sumber-di-tengah-laut">https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/12/1336448/taktik-penyaludup-ambil-diesel-bersubsidi-dari-sumber-di-tengah-laut</a>	BERITA HARIAN
16-Dec	Seludup diesel hampir RM1 juta guna hos penyambung	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/seludup-diesel-hampir-rm1-juta-guna-hos-penyambung/">https://www.buletintv3.my/nasional/seludup-diesel-hampir-rm1-juta-guna-hos-penyambung/</a>	BULETIN TV3
16-Dec	KPDN TUMPAS SINDIKET SELEWENG MINYAK DIESEL DI PELABUHAN KLANG	<a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2373574">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2373574</a>	BERNAMA
16-Dec	Licik curi diesel subsidi guna kapal tunda	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165733/licik-curi-diesel-subsidi-guna-kapal-tunda">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165733/licik-curi-diesel-subsidi-guna-kapal-tunda</a>	HARIAN METRO
16-Dec	Sindiket seleweng diesel tumpas, KPDN rampas lebih 50,000 liter minyak	<a href="https://selangorkini.my/2024/12/sindiket-seleweng-diesel-tumpas-kpdn-rampas-lebih-50000-liter-minyak/">https://selangorkini.my/2024/12/sindiket-seleweng-diesel-tumpas-kpdn-rampas-lebih-50000-liter-minyak/</a>	SELANGOR KINI
16-Dec	Enam termasuk lelaki Indonesia ditahan seludup diesel hampir RM1 juta	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/13/enam-termasuk-lelaki-indonesia-ditahan-seludup-diesel-hampir-rm1-juta">https://malaysiagazette.com/2024/12/13/enam-termasuk-lelaki-indonesia-ditahan-seludup-diesel-hampir-rm1-juta</a>	MALAYSIA GAZETTE
16-Dec	Perlu permit khas untuk pembelian diesel lebih had - KPDN	<a href="https://themalaytribune.com/perlu-permit-khas-untuk-pembelian-diesel-lebih-had-kpdn">https://themalaytribune.com/perlu-permit-khas-untuk-pembelian-diesel-lebih-had-kpdn</a>	THE MALAY TRIBUNE

16-Dec	Special permit required for diesel purchases exceeding limit - KPDN	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/special-permit-required-for-diesel-purchases-exceeding-limit-kpdn-OH13416594">https://thesun.my/malaysia-news/special-permit-required-for-diesel-purchases-exceeding-limit-kpdn-OH13416594</a>	THE SUN
16-Dec	Yayasan Petronas santuni 200 keluarga memerlukan sempena sambutan Hari Natal	<a href="https://sabahmedia.com/2024/12/15/yayasan-petronas-santuni-200-keluarga-memerlukan-sempena-sambutan-hari-natal/">https://sabahmedia.com/2024/12/15/yayasan-petronas-santuni-200-keluarga-memerlukan-sempena-sambutan-hari-natal/</a>	SABAH MEDIA
16-Dec	KERAJAAN PERKENAL SEMULA ZON KHAS JUAL BARANGAN TANPA SUBSIDI DI KAWASAN SEMPA DAN	<a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2373870">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2373870</a>	BERNAMA
16-Dec	Tangani isu ketirisan, zon khas akan diperkenal semula	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/zon-khas-jual-barang-kawalan-tanpa-subsidi-akan-diperkenal-semula">https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/zon-khas-jual-barang-kawalan-tanpa-subsidi-akan-diperkenal-semula</a>	BERITA RTM
16-Dec	Penjualan barang bersubsidi diperketatkan	<a href="https://suarasarawak.my/penjualan-barang-bersubsidi-diperketatkan">https://suarasarawak.my/penjualan-barang-bersubsidi-diperketatkan</a>	SUARA SARAWAK
16-Dec	Govt to reintroduce special zones for non-subsidised goods at border areas	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/737754">https://theedgemalaysia.com/node/737754</a>	THE EDGE MALAYSIA
16-Dec	Govt to reintroduce special zones for non-subsidised goods at border areas	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/govt-to-reintroduce-special-zones-for-non-subsidised-goods-at-border-areas-HE13420557">https://thesun.my/malaysia-news/govt-to-reintroduce-special-zones-for-non-subsidised-goods-at-border-areas-HE13420557</a>	THE SUN
16-Dec	Terengganu KPDN schedules 18 Madani Rahmah sales sessions in flood hit areas	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/terengganu-kpdn-schedules-18-madani-rahmah-sale-sessions-in-flood-hit-areas-NE13420418">https://thesun.my/malaysia-news/terengganu-kpdn-schedules-18-madani-rahmah-sale-sessions-in-flood-hit-areas-NE13420418</a>	THE SUN
16-Dec	PJRM giat dilaksana di kawasan terjejas banjir	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/pjrm-giat-dilaksana-di-kawasan-terjejas-banjir">https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/pjrm-giat-dilaksana-di-kawasan-terjejas-banjir</a>	BERITA RTM
16-Dec	KPDN TERENGGANU ATUR 18 PJRM BERDEKATAN KAWASAN TERJEJAS BANJIR	<a href="https://bernama.com/radio/news.php?id=2373762">https://bernama.com/radio/news.php?id=2373762</a>	BERNAMA
16-Dec	Hampir 1,000 jualan Rahmah di Johor catat jualan RM50 juta	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/15/hampir-1000-jualan-rahmah-di-johor-catat-jualan-rm50-juta/">https://malaysiagazette.com/2024/12/15/hampir-1000-jualan-rahmah-di-johor-catat-jualan-rm50-juta/</a>	MALAYSIA GAZETTE